

TARIKH : 6/1/2023

SURAT KHABAR : kosmo

MUKA SURAT : ✓

Kosmo JUMAAT 6 JANUARI 2023

## Kerajaan pastikan TVET jadi pilihan rakyat

**PUTRAJAYA** – Agenda Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) Nasional akan terus diperkasakan bagi membolehkan bidang itu menjadi pilihan utama kepada rakyat Malaysia.

Menyuarat Menteri Sumber Manusia, V. Sivakumar berkata, bagi tujuan itu, transformasi dan penjenamaan TVET secara holistik akan dilakukan melalui suntikan sinergi baru yang berperanan memadamkan stigma negatif terhadap bidang berkenaan.

"Seiring dengan hasrat kerajaan menjadikan TVET sebagai pemacu kemajuan negara, agenda memartabat dan memperkasa TVET nasional menjadi fokus utama KSM dalam usaha menjadikannya sebagai pilihan utama rakyat Malaysia.

"Bersandarkan kepada kepelbagaiannya program TVET dan kemudahan akses yang ditawarkan ketika ini, TVET menjadi wadah terbaik untuk rakyat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran secara berterusan sejajar aspirasi pembelajaran sepanjang hayat," katanya di sini semalam.

Menurutnya, TVET berperanan sebagai solusi serampong dua mata kerajaan dalam melahirkan modal insan tempatan berkemahiran seterusnya menjadi pelengkap persiapan negara untuk berhadapan dengan transisi populasi menua.

"Sebelum ini, mesyuarat jemaah menteri pada 7 Disember 2022 membuat keputusan untuk memindahkan fungsi Sekretariat Majlis TVET Negara (MTVET) kepada KSM.

"Selaras dengan itu, KSM bersedia menggalas peranan melalui gerak kerja komprehensif dengan sokongan ekosistem TVET inklusif di KSM meliputi agensi kawal selia TVET penyedia latihan dan pembiaya dana latihan sedia ada serta kerjasama kukuh semua pemegang taruh TVET di pihak kerajaan dan swasta," katanya.

Jelasnya, selaku Sekretariat MTVET, KSM juga amat mengharapkan komitmen dan percambahan idea secara berterusan daripada semua pemegang taruh dalam memastikan strategi dan inisiatif agenda memartabat TVET nasional dapat dibangunkan.